

08 JUL 2002

Mahathir-Islam (Bergambar)

KERAJAAN TIDAK GUBAL UNDANG-UNDANG ANIAYA RAKYAT, DR MAHATHIR

KUCHING, 8 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan bersikap adil dan tidak akan menggubal undang-undang yang akan menganiayai rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini.

Perdana Menteri berkata dalam menggubal undang-undang, kerajaan tidak pernah menentang pelaksanaan hukum Hudud di negara ini.

"Kita tidak tolak undang-undang Tuhan, kita tidak tolak undang-undang Hudud. Yang kita tolak ialah hukuman politik parti Pas semata-mata," katanya pada perasmian Bangunan Masja milik Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) di Petra Jaya di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, hukum Hudud yang dilaksanakan oleh Pas tidak mencerminkan Islam yang sebenarnya kerana ianya boleh dipinda mengikut kehendak manusia sedangkan undang-undang Tuhan tidak boleh diubah.

Contoh paling jelas, katanya, ialah pindaan terpaksa dibuat terhadap hukum Hudud kerana terdapat bantahan yang boleh menyebabkan Pas kehilangan sokongan serta undi.

"Ini menunjukkan Tuhan mereka ialah undi...undi yang menentukan undang-undang yang dicipta oleh mereka," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, perbezaan pelaksanaan hukum Hudud di dua buah negeri iaitu di Kelantan dan Terengganu menunjukkan tindak-tanduk Pas yang mengutamakan kepentingan politik daripada agama.

Beliau berkata, perbezaan jelas daripada segi tafsiran dan peruntukan menunjukkan sikap Pas yang mementingkan sokongan politik saja sedangkan realitinya hukum Allah adalah satu dan tidak boleh diubah-ubah mengikut kehendak pihak tertentu.

Perdana Menteri sekali lagi memberi jaminan bahawa kebajikan dan hak orang bukan Islam di Malaysia sentiasa terpelihara seperti yang termaktub dalam perlembagaan.

Beliau berkata, walaupun Malaysia sebuah negara Islam, namun selepas merdeka penganut agama lain masih bebas mengamalkan kepercayaan masing-masing.

Terdahulu Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, kerajaan Sarawak akan meneruskan amalan Islam yang positif dan sederhana dengan mengutamakan kepentingan semua kaum dan agama.

Abdul Taib, yang juga Yang Dipertua LAKMNS berkata, pembinaan Bangunan Masja yang menelan belanja RM60 juta adalah sebagai tanda bahawa umat Islam di Sarawak ingin menyumbang kepada pembangunan negeri.

Terletak di kawasan seluas 6,740 meter persegi, Bangunan Masja akan menempatkan pejabat kementerian-kementerian kerajaan negeri dan juga syarikat swasta.

-- BERNAMA

RDY CJ MT MAI